



**PEKELILING PERKHIDMATAN PEJABAT PENDAFTAR BIL. 1/2023
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)**

**PENUBUHAN SEKSYEN INTEGRITI
DI UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

Disediakan Oleh:

Seksyen Integriti

Bahagian Governan, Integriti dan Pentadbiran Am

Pejabat Pendaftar

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan UniSZA menubuhkan Seksyen Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di UniSZA.
- 1.2 Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan pemegang taruh terhadap keupayaan UniSZA melaksanakan dasar yang dimandatkan.
- 1.3 Dalam hubungan ini, UniSZA akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan staf UniSZA menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem pencapaian awam yang lebih cemerlang.
- 1.4 Ke arah ini, UniSZA telah bersetuju mewujudkan Seksyen Integriti seperti saranan kerajaan. Seksyen ini bertujuan untuk memastikan staf UniSZA mengamalkan budaya kerja yang unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh, hatta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan staf UniSZA.

2.0 PELAKSANAAN

2.1 Penubuhan Seksyen Integriti

Penubuhan Seksyen Integriti ini merupakan usaha kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Seksyen ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti berikut:

- a) Tadbir Urus
Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan;

- b) Pengukuhan Integriti
Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;
- c) Pengesanan dan Pengesahan
 - i) Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
 - ii) Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;
- d) Pengurusan Aduan
Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;
- e) Pematuhan
Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- f) Membantu Urusan Tatatertib
Menyalurkan maklumat kepada PPUU selaku urus setia Jawatankuasa Tatatertib.

2.2 Penarafan Risiko Agensi

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertanggungjawab melaksanakan penarafan risiko agensi bagi menetapkan model Unit Integriti yang bersesuaian. Taraf risiko dikelaskan kepada tinggi, sederhana atau rendah. Penarafan semula risiko sesuatu agensi dilaksanakan setiap tiga (3) tahun atau mengikut keperluan.

2.3 Penentuan Struktur dan Perjawatan

- a) Struktur dan perjawatan bagi Seksyen Integriti akan diwujudkan oleh Bahagian Pembangunan Organisasi Jabatan Perkhidmatan Awam

Malaysia (JPA) berdasarkan kepada penarafan risiko agensi dan dasar perjawatan semasa.

- b) Perjawatan Ketua Seksyen Integriti di agensi memerlukan kelayakan Pegawai Integriti Bertauliah (Certified Integrity Officer / CeIO) atau lain-lain kelayakan sepertimana diiktiraf oleh Lembaga Pentauliahan Pegawai Integriti yang diurusetikan oleh SPRM. Kursus CeIO dilaksanakan oleh SPRM di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

2.4 Penyelarasan dan Pelaporan

- a) Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, SPRM berperanan menyelaraskan pelaksanaan fungsi Unit Integriti. Bahagian ini turut bertanggungjawab untuk menyediakan dasar dan mekanisme pengurusan integriti di agensi.
- b) Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pengurusan integriti ini, Ketua Seksyen Integriti hendaklah mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaannya kepada Ketua Setiausaha Kementerian / Ketua Jabatan dan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, SPRM setiap empat (4) bulan sekali iaitu sebelum 15 hari bulan Mei, September dan Januari.

3.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasa Pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013: Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam yang telah diluluskan oleh Mesyuarat LPU Bil. 5/2013 pada 28 Oktober 2013 adalah **dibatalkan**.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini dengan pindaan berkuat kuasa pada 8 Mac 2023.